**PERATURAN PEMARKAHAN**

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2022**

**PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH**

**NEGERI PERLIS**

**BAHAGIAN A**

| NO. SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 1 | Saksi | 1M |
| 2 | Qauli | 1M |
| 3 | Niabah haji/badal haji | 1M |
| 4 | Marih/merih | 1M |
| 5 | 4 bulan 10 hari | 1M |
| 6 | Walimatulurus | 1M |
| 7 | Maqasid syariah | 1M |
| 8 | 4/empat | 1M |
| 9 | Syarat | 1M |
| 10 | Undang-undang perkahwinan | 1M |
| 11 | ‘Iktikad | 1M |
| 12 | Mudhorobah | 1M |
| 13 | Sunat | 1M |
| 14 | صنفان من اهل النار | 1M |
| 15 | Khuluk | 1M |
| 16 | Fasakh | 1M |
| 17 | Rujuk | 1M |
| 18 | √ | 1M |
| 19 | X | 1M |
| 20 | X | 1M |

**BAHAGIAN B & C**

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td rowspan="5">1</td><td rowspan="2">(a)</td><td>(i)</td><td>Tuntutan yang terkandung di dalam ayat yang bergaris.:<br><br>● Setiap berita yang disampaikan wajib diselidiki / dengan betul sebelum diterima dan disebarkan</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Cara ulamak istinbat hukum kewajipan menyelidiki berita yang diterima:<br><br>● Berdasarkan lafaz " فَتَبَيَّنُوٓاْ"<br>● فعل الأمر yang membawa kepada perintah.<br>● Setiap perintah adalah wajib.<br>● Wajib bagi seseorang itu untuk menyelidiki berita yang diterima sebelum menyebarkannya.</td><td>4 isi x 1m = 4m</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td></td><td>Tiga kepentingan tabayyun apabila menerima sesuatu berita:<br><br>● Tabayyun dapat menjaga kepentingan agama kerana boleh memelihara kewarasan akal dan maruah.<br>● Tabayyun mendidik umat Islam lebih berwaspada dengan info-info yang palsu.<br>● Tabayyun akan menjamin suasana masyarakat umat Islam yang berintegriti, bertanggungjawab dan Amanah pada setiap masa.<br>● Kerahsiaan negara akan berada dalam keselamatan dan dilindungi daripada unsur-unsur luar.</td><td>3 isi x 2m = 6m</td></tr>
<tr><td>(c)</td><td></td><td>Dua langkah untuk berhadapan dengan situasi tersebut:<br><br>● Berhati-hati menerima berita dan menyelidiki kebenarannya.<br>● Tidak menyebarkan berita yang tidak pasti kebenarannya sehingga terbukti perkara itu benar.<br>● Tidak menyebarkan keaiban seseorang walaupun berita itu benar.<br><br>(mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td>(d)</td><td></td><td><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Isi</td><td>1M</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>1M</td></tr></table></td><td>4 isi x 1m = 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Huraian Lengkap — 1M<br>Kesimpulan — 1M<br><br>Contoh jawapan:<br><br>**ISI**: Pada pendapat saya, kempen tersebut menyeru kita supaya menyelidiki berita yang diterima sebelum disebarkan<br>**HURAIAN**: agar berita yang disampaikan adalah benar dan jelas kesahihannya.<br>**HURAIAN LENGKAP**: Ini kerana penyebaran berita palsu menjadi satu kesalahan dibawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.<br>**KESIMPULAN**: Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dengan info-info palsu yang disebarkan bagi menjamin keharmonian umat Islam. | |
| 2 | (a) | (i) | Maksud **zina** ialah **perhubungan seks haram antara lelaki dan perempuan / tanpa ikatan perkahwinan yang sah.** | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Sebab Wurud Hadis:<br><br>● Ketika Rasulullah s.a.w berada dalam masjid, seorang lelaki datang kepada baginda dan **mengaku** telah berzina<br>● Baginda s.a.w tidak menghiraukannya tetapi dia tetap **mengulangnya sehingga 4 kali**<br>● Rasulullah s.a.w bertanya adakah dia sudah berkahwin dan lelaki itu menjawab **dia telah berkahwin**<br>● Kemudian rasulullah s.a.w perintahkan lelaki itu **direjam** | 4 isi x 1m = 4m |
| | (b) | | **Dua** syarat saksi dalam mensabitkan hukuman zina:<br><br>● Saksi yang aqil baligh dan adil (mempunyai integriti peribadi)<br>● Disyaratkan juga bahawa setiap saksi melihat perbuatan itu secara jelas tanpa sebarang kesamaran, / hukuman 80 kali sebatan. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (c) | | **Dua** hujah saya untuk menyokong pernyataan meningkatkan pendidikan agama kepada anak-anak dapat menjauhi perbuatan zina:<br><br>● Apabila anak-anak diberi didikan agama yang sempurna, mereka akan merasa takut dan gerun terhadap balasan Allah s.w.t apabila hendak melakukan perkara yang dilarang seperti zina. | 2 isi x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Didikan agama juga dapat membentuk jiwa dan minda seseorang supaya berakhlak mulia serta menghindari diri dari melakukan perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri seseorang seperti terlibat dengan zina.<br>• Allah akan menjaga orang yang menjaga agama seperti cerita antara tukang kayu yang alim dikerumuni perempuan yang mengajaknya untuk berzina diberi ilham oleh Allah untuk mengelaknya dari terjebak dengan zina.<br><br>(mana-mana jawapan yang munasabah diterima) | |
| | (d) | | Perkaitan: | 6 isi x 1m = 6m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Isi daripada maklumat 1 | 1M |
| Isi daripada maklumat 2 | 1M |
| Huraian Lengkap (dalil/contoh/mafhum ayat/pendapat ulama) | 1M |
| Penerangan huraian lengkap | 1M |
| Kesimpulan ringkas | 1M |
| Kesimpulan lengkap (olahan jawapan menarik/tepat dan relevan) | 1M |

Contoh jawapan:

| | |
|---|---|
| MAKLUMAT 1 | Mafhum firman Allah yang mengharamkan manusia menghampiri zina. |
| MAKLUMAT 2 | Seorang bayi lelaki ditemui di tepi tong sampah dalam keadaan sihat |
| PERKAITAN | Perbuatan membuang bayi memang boleh dielakkan jika umat Islam mengamalkan ayat Allah yang mengharamkan perbuatan menghampiri zina |
| HURAIAN PERKAITAN | Segala perbuatan yang boleh membawa kepada zina seperti berdua-duaan antara lelaki dan perempuan patut dijauhi agar dapat mengelakkan perbuatan zina sebagaimana mafhum ayat 68 surah Al-Furqan, Allah s.w.t menegaskan bahawa berzina itu termasuk dosa besar dan suatu perbuatan yang sangat terkutuk dan murkai oleh Allah s.w.t. |
| KESIMPULAN RINGKAS | Kesimpulannya, sebagai umat Islam, kita mestilah menjauhi perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada zina dengan mengamalkan cara hidup Islam |
| KESIMPULAN LENGKAP | agar jenayah zina dapat dihentikan sepenuhnya dalam kalangan masyarakat Islam demi kesejahteraan agama, masyarakat dan negara. |

<table>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Pengertian Ibadat Haji ialah mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah pada masa tertentu untuk menunaikan <u>ibadat</u> tertentu dengan syarat-syarat tertentu.</td><td>2 isi x 1m=<br>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua perbezaan antara haji dan umrah:<br><table><tr><th>Haji</th><th>Umrah</th></tr><tr><td>Boleh berniat haji pada bulan syawal, zulkaedah dan 9 hari terawal bulan Zulhijjah / masa tertentu.</td><td>Boleh dilakukan pada bila-bila masa kecuali bagi orang yang telah berniat ihram haji / bila-bila masa.</td></tr><tr><td>Mempunyai wukuf di arafah</td><td>Tiada wukuf di arafah</td></tr><tr><td>Dua tahallul</td><td>Satu tahallul</td></tr></table></td><td>4 isi x 1m=<br>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua syarat binatang yang disembelih:<br>● Binatang tersebut adalah halal di makan<br>● Masih mempunyai nyawa yang tetap (Hayah mustaqirrah)<br>● Terputus urat halkum dan urat marih<br>● Disembelih dengan segera supaya kedua-dua urat halkum dan marih terputus sebelum binatang tersebut mati dan nazak</td><td>2 isi x 1m=<br>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah menggunakan pisau yang tajam semasa sembelihan:<br>● Menzahirkan rasa kasihan belas kepada binatang yang ingin disembelih dengan tidak menyiksanya.<br>● Daging itu selamat untuk dimakan tanpa sebarang kuman/ kotor kerana semua darah dalam badan telah keluar</td><td>2 isi x 2m=<br>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Pengertian talak ialah <u>melepaskan ikatan</u> akad perkahwinan <u>dengan menggunakan lafaz talak</u> dan seumpamanya.</td><td>2 isi x 1m=<br>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Hujah saya untuk menyokong penyataan diatas ialah:<br>● Melalui talak, suami atau isteri boleh <u>meneruskan kehidupan masing-masing yang lebih baik</u> dan bahagia tanpa perlu berdendam dengan konflik yang telah mereka lalui sebagai suami isteri.<br>● Melalui talak juga, suami dapat <u>mengelakkan diri daripada menzalimi isteri yang tidak disukainya</u> kerana dapat melepaskan isteri secara baik dan masing-masing dapat melepaskan tekanan perasaan yang dihadapi.</td><td>2 isi x 1m=<br>2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Rumusan tentang punca berlakunya perceraian:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Isi</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap (dalil, contoh, mafhum, kata-kata pakar)</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan</td><td>1M</td></tr>
</table>
Contoh jawapan:
<table>
<tr><td>ISI</td><td>Antara punca berlakunya perceraian ialah pengurusan komunikasi yang lemah di antara suami dan isteri disebabkan kurang berkongsi masalah</td></tr>
<tr><td>HURAIAN</td><td>yang membawa kepada konflik antara pasangan lalu memberi kesan kepada anak-anak.</td></tr>
<tr><td>HURAIAN LENGKAP</td><td>Contohnya, apabila kurang komunikasi antara pasangan, maka akan wujud perasaan tidak puas hati, marah, sedih dan keliru sehingga tidak mampu mengawal hubungan kekeluargaan secara baik dan seterusnya akan menyebabkan berlakunya perceraian.</td></tr>
<tr><td>KESIMPULAN</td><td>Kesimpulannya, setiap bakal pasangan mestilah menimba ilmu berkaitan dengan alam perkahwinan, seperti ilmu tentang komunikasi agar menjamin kebahagiaan rumahtangga.</td></tr>
<tr><td>KESIMPULAN KEDUA</td><td>Kesimpulannya, setiap bakal pasangan perlulah sentiasa terbuka untuk berbincang secara baik agar keharmonian rumahtangga dapat dicapai bersama.</td></tr>
</table></td><td>4 isi x 1m= 4m</td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Pengertian nasakh ialah memansukhkan sesuatu hukum syarak / dengan sebab wujud dalil syarak yang datang kemudian.</td><td>2 isi x 1m= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Nyatakan jenis nasakh dalam hadis :<br>● Jenis : Nasakh Al Hadis dengan Al Hadis<br><br>● Huraian : Larangan thabit dengan hadis كنت نهيتكم tetapi diharuskan dengan sabda فزوروه / keharusan menziarahi kubur selepas larangan.</td><td>2 isi x 1m= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua perkara yang tidak boleh dinasakhkan :</td><td>2 isi x 2m= 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Hukum berkaitan dengan akidah contoh beriman kepada Allah, malaikat, kitab, para Rasul dan hari akhirat<br>• Hukum-hakam Asas Ibadah contoh solat,zakat,puasa dan haji<br>• Hukum hakam berkaitan dengan akhlak mulia seperti benar,amanah dan adil | |
| | (c) | (i) | **Dua** peranan Mahkamah Syariah :<br><br>• Membicarakan dan memutuskan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh orang Islam<br>• Mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam kes-kes Mal (bukan jenayah) seperti yang diperuntukkan oleh akta atau enakmen<br>• Mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan samada melibatkan pembebasan,sabitan atau hukuman. | 2 isi x 2m= 4m |
| | | (ii) | **Dua** usaha memartabatkan taraf Mahkamah Syariah :<br><br>• Menaiktaraf bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah.<br>• Kekuatan keputusan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.<br>• Kebebasan Mahkamah Syariah.<br>• Perundangan yang lebih jelas dan komprehensif.<br>• Skim perkhidmatan dan latihan kakitangan yang lebih baik.<br>• Infrastuktur dan kemudahan mahkamah lebih baik. | 2 isi x 1m= 2m |
| | (d) | (i) | **Dua** jasa dan sumbangan Khujah Mikmar Sinan :<br><br>• Membina sebuah jambatan kali pertama.<br>• Berjaya membina jambatan menyeberangi sungai dalam 13 hari dalam satu ekspedisi ketenteraan.<br>• Membina masjid-masjid tanda kemegahan Bani Uthmaniyah.<br>• Zaman Sultan Sulaiman Al-Qanuni dilantik sebagai ketua jurutera.<br>• Telah membina 300 buah binaan termasuk masjid,sekolah,istana,kawasan perkuburan sultan,hospital,saluran air,Gudang perniagaan,rumah rehat dan rumah pemandian. | 2 isi x 1m= 2m |
| | | (ii) | **Dua** faktor kemerosotan tamadun Bani Uthmaniyah : | 2 isi x 2m= 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ● Kelemahan penghayatan Islam dalam jiwa para khalifah/ kerana tamak untuk mengekalkan kuasa dan takhta pemerintahan anak-anak khalifah.<br>● Kelemahan kepimpinan dengan pelantikan khalifah/ yang terlalu muda hingga gagal mentadbir dan menyusun strategi ketenteraan.<br>● Umat Islam ketinggalan dalam bidang teknologi/ menyebabkan musuh menguasai persenjataan dan peperangan.<br>● Penyelewengan tentera elit/dengan menindas dan menzalimi rakyat.<br>● Pelantikan Menteri yang tidak berkelayakan/hingga sibuk dengan hal dunia berbanding mentadbir negara dan berperang.<br>● Pembaziran khalifah terhadap hasil negara/seperti membina istana hampir mencecah 1/3 kewangan negara.<br>● Bebanan hutang yang tinggi/menyebabkan tidak mampu membayar dari negara Eropah.<br>● Kelemahan Pendidikan/yang mengutamakan pentadbiran sekular berbanding Pendidikan Islam. | |
| 5 | (a) | (i) | Pengertian **Ilmu Usul Fiqh** ialah **ilmu berkaitan kaedah umum penentuan hukum syarak/secara amali melalui dalil-dalil yang terperinci.** | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Kepentingan mempelajari Ilmu Usul Fiqh:<br>● Memberikan kemampuan kepada ulamak untuk mengeluarkan hukum syarak/terhadap persoalan yang baharu berasaskan sumber dan metodologi yang betul.<br>● Dapat membantu memahami cara ulamak silam/ mengeluarkan hukum syarak dengan penuh teliti.<br>● Dapat mengetahui kaedah yang digunakan oleh ulamak mazhab yang diikuti/dalam menetapkan hukum syarak dan perbezaan dengan mazhab-mazhab yang lain.<br>● Dapat membendung umat Islam daripada ajaran yang sesat dan menyeleweng/daripada asas Islam yang sebenar. | 2 isi x 1m = 2m |
| | (b) | | Penjelasan hukum wad'ie dalam ayat:<br>● Hukum wad'ie ialah سبب<br>● iaitu sesuatu hukum itu wujud jika ada sebabnya,<br>● dan hukum tersebut tiada jika tiada sebabnya.<br>● Sebab zina, maka wujudnya hukum sebatan kepada penzina. | 4 isi x 1m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | **Dua** sumber yang tidak disepakati pada zaman tabi' tabi'in:<br><br>● مصالح المرسلة<br>● الاستصحاب<br>● سد الذرائع<br>● عمل اهل المدينة<br>● الاستحسان<br>● شرع من قبلنا<br>● قول الصحابي<br>● العرف دان العادة | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** ciri undang-undang Islam berdasarkan al Quran dan as Sunnah dalam pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia:<br><br>● Berdasarkan manhaj ketuhanan kerana ia adalah hukum Syariah bukan ciptaan manusia.<br>● Bersifat universal dalam semua hukum, sistem dan prinsip syariah islam tanpa mengira warna kulit, pertuturan ataupun tempat.<br>● Menyeluruh yang mencakupi setiap aspek kemasyarakatan dan kehidupan.<br>● Sumber yang asli dan kekal tanpa berlaku sebarang penyelewengan dan perubahan.<br>● Menghilangkan kesulitan dan mendatangkan kemudahan kepada semua umat Islam dalam menjalani kehidupan mereka. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | (i) | **Dua** tokoh terkemuka pada zaman bani umaiyah:<br><br>● Imam Abu Hanifah<br>● Thariq bin Ziyad<br>● Umar bin Abdul Aziz | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** cara untuk meningkatkan kualiti kehidupan seorang pelajar Islam dalam mencontohi tokoh zaman Khulafa' ar-Rasyidin:<br><br>● Mempelajari dan mendalami sirah Khulafa' ar-Rasyidin/ untuk dijadikan panduan dalam kehidupan.<br>● Menjadikan para sahabat Rasulullah s.a.w terutamanya Khulafa' ar-Rasyidin/ sebagai ikon dalam kehidupan | 2 isi x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Mencontohi pengorbanan para sahabat Rasulullah s.a.w/ dalam berjuang menegakkan Islam dan menyebarkan kebenaran kepada masyarakat bukan Islam.<br>• Mencontohi kebijaksanaan para sahabat Rasulullah s.a.w dalam bidang perniagaan/seperti Abdul Rahman bin Auf.<br>• Menyerlahkan akhlak Islam dalam kehidupan seharian/ bagi menarik minat golongan bukan Islam untuk memeluk Islam. | |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT